

Tarikh Dibaca: 09 MAC 2018M / 21 JAMADILAKHIR 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“WAKAF ADALAH SAHAM AKHIRAT”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
- 7. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"WAKAF ADALAH SAHAM AKHIRAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَن تَنَالُوا أَلْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ
وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan kita akan memperoleh limpahan rahmat dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "**Wakaf Adalah Saham Akhirat**".

¹ Al-Imran : 92



Hadirin yang berbahagia sekalian,

Bagi menghadapi alam akhirat yang sangat menggerunkan itu, beberapa perkara yang boleh membantu menyambung amalan kita setelah meninggal dunia. Antaranya adalah dengan menginfakkan harta ke jalan Allah SWT iaitu sedekah jariah atau wakaf. Daripada Abu Hurairah R.Anhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

"إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ إِنْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَذْعُولُهُ".

"Apabila mati anak Adam (manusia), maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya".

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa pahala berwakaf akan mengalir dan berterusan walaupun selepas seseorang telah meninggal dunia. Inilah yang mendorong para sahabat berlumba-lumba untuk berwakaf.. Jabir bin Abdillah R.Anhu pernah berkata:

لَمْ يَكُنْ أَحَدٌ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذُو مَقْدِرَةٍ إِلَّا وَقَفَ

"Tidak ada seorang pun di kalangan sahabat Nabi Muhammad SAW yang berkemampuan, tidak mewakafkan hartanya"



Jelaslah bahawa, amalan wakaf ini menjadi amalan dikalangan para sahabat kerana ia menjamin pahala berpanjangan selagi harta yang diwakafkan dapat di manfaatkan. Amalan ini telah diteruskan oleh para tabi'in dan umat Islam hingga ke hari ini.

Muslimin yang dirahmati sekalian,

Alhamdulillah, dalam tempoh 7 tahun kebelakangan ini sumbangan-sumbangan wakaf yang diterima daripada umat Islam telah dapat membantu membina dan membaik pulih masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah, kemudahan perubatan dan sebagainya melebihi 700 juta ringgit. Ini tidak termasuk sumbangan kepada Islamic Centre Universiti Oxford London. Kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pewakaf yang telah mewakafkan harta mereka. Sewajarnya ia menjadi galakan kepada semua umat Islam untuk mewakafkan harta mereka melalui pemotongan gaji dan sebagainya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةً حَبَّةً وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْمٌ

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya".



Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Wakaf adalah sedekah jariah yang digalakkan oleh Islam tanpa mengira bangsa, masa, pangkat dan darjah. Meskipun wakaf ini hukumnya sunat, namun ianya dapat mendekatkan diri antara hamba kepada penciptanya. Harta tidak berkurang jika diwakafkan. Abu Hurairah R.A berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ

"Tiadalah harta itu berkurangan kerana sedekah".

(Riwayat Muslim)

Sedekah yang dimaksudkan dalam hadis ini termasuklah sedekah jariah atau wakaf. Alhamdulillah, masyarakat Islam semakin mengetahui dan semakin sedar kepentingan dan potensi wakaf. Kini kaedah berwakaf telah dipelbagaikan untuk memudahkan semua pihak dapat berwakaf dengan mudah. Antaranya adalah :

- 1) Berwakaf melalui wang tunai.
- 2) Wakaf melalui potongan gaji atau arahan tetap.
- 3) Berwakaf melalui internet.
- 4) Berwakaf secara Wasiat. (Tidak boleh melebihi 1/3 harta)
- 5) Mewakafkan barang kemas.

Perbadanan Wakaf Selangor mengharapkan sumbangan terus menerus dan tidak ada yang ketinggalan walau seorang pun dari rakyat negeri ini untuk mendapatkan dana demi memajukan tanah wakaf yang masih dalam proses pembangunan. Setakat ini baru 11 ribu orang telah berwakaf secara bulanan termasuk 2 ribu kakitangan awam. Perbadanan Wakaf Selangor mengharapkan tahun 2018 ini lebih ramai lagi umat Islam



yang membuat pemotongan atau meningkatkan jumlah harta yang diwakafkan.

Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah telah menjadi contoh kepada rakyat dengan mewakafkan Istana baginda di Klang sebagai bangunan Kolej Islam Malaya pada tahun 1955. Amalan baginda ini amat disanjung tinggi dan sewajarnya menjadi ikutan kepada kita semua.

Begitulah kehebatan wakaf, ia bukan sahaja menabung untuk saham akhirat namun kita dapat membuat kebajikan membantu menjana pendidikan dan ekonomi umat Islam. Umat Islam perlu bersatu padu menggembeling tenaga memanfaatkan harta bagi mencapai matlamat wakaf yang berjaya dan diredhai oleh Allah SWT.

Muslimin yang berbahagia sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati beberapa saranan yang boleh diamalkan. Antaranya:

- 1) Umat Islam yang beriman hendaklah sentiasa mempersiapkan bekalan untuk hari akhirat termasuk menginfakkan harta sebagai wakaf.
- 2) Umat Islam hendaklah memastikan bahawa tidak ketinggalan dalam merebut peluang untuk berwakaf.
- 3) Umat Islam perlulah berwakaf dengan mempelbagaikan kaedah berwakaf yang disediakan untuk memperoleh keuntungan di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَأَنفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ



فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَتِنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ
الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾ وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadaNya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhan! alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya Aku dapat bersedekah dan dapat pula Aku menjadi dari orang-orang yang soleh. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya; dan Allah amat mendalam pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan".

(Al-Munafiqun :10 -11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Fahmi / Syida
28.02.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
ۙ
فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمَتِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

